

# Kehilangan besar dunia kewartawanan tanah air

## Perdana Menteri zahir ucapan takziah kepada keluarga Ahmad Rejal

bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Bekas Pengarang Kumpulan Berita Harian (BH), Datuk Ahmad Rejal Arbee Mahmud Isa Arbee, 83, yang meninggal dunia awal pagi semalam, menyumbang jasa dan sumbangan cukup besar kepada dunia kewartawanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Allahyarham yang juga bekas Ketua Pengarang BERNAMA adalah tokoh wartawan dikenali sebagai antara pengamal media terawal di negara ini meneroka konsep

media dwibahasa.

"Jasa, sumbangan dan buah fikiran yang dilontarkan Allahyarham ternyata meninggalkan kesan yang mendalam dalam dunia akhbar dan kewartawanan di Malaysia. Takziah saya utuskan kepada keluarga Allahyarham.

"Mendoakan roh Allahyarham diampunkan segala dosanya dan diberi tempat istimewa di sisi-Nya, Insha-Allah. Al-Fatihah," kata Perdana Menteri dalam satu kenyataan di media sosialnya semalam.

Tokoh Wartawan Negara 2014 itu yang juga antara kakitangan pengasas BERNAMA, meninggal dunia di Hospital Shah Alam, 2 pagi semalam, menjadi Pengarang Kumpulan BH bermula 1998 hingga 2003.

Berita sedih pemergian wartawan veteran ini dikongsikan isterinya, Datin Noraini Shariff menerusi catatan di laman Facebook.

Anak bongsu mereka, Awaina Arbee, 32, berkata ayahnya meninggal dunia disebabkan keuzuran dan dimasukkan ke hospital



Ahli keluarga dan orang ramai hadir mengaminkan doa di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21, Shah Alam, semalam.

(Foto BERNAMA)

sejak Jumaat minggu lalu selepas disyaki menghidap pneumonina.

"Kesihatan dia mula merosot akhir 2022 hingga memerlukan bantuan untuk berjalan, makan dan lain-lain. Sebelum itu, dia memang sihat, tiada penyakit kerana amat jaga pemakanannya dan selalu ke masjid atau surau untuk berjemaah," katanya.

### Bapa penyayang, suka gurau

Awaina Arbee berkata, ayahnya mungkin dilihat tegas di tempat kerja, tetapi di rumah, Allahyarham bapa penyayang dan suka bergurau dengannya.

"Dia sangat *cheeky*, selalu bergurau dan manjakan saya. Itulah antara kenangan bersamanya yang saya akan kenang," katanya.

Allahyarham mula berkhidmat dengan BERNAMA pada

1969 sebagai pemberita kanan sebelum ke Jakarta, Indonesia, sekali gus menjadi pewarta luar negara pertama agensi berita itu pada 1973.

Ketika di BERNAMA, Ahmad Rejal pernah menjawat jawatan Ketua Meja Politik dan Parlimen, kemudian Timbalan Pengarang dan Ketua Bahagian Ekonomi sebelum menyertai New Straits Times (NST) pada 1976.

Beliau kembali menyertai BERNAMA sebagai Ketua Pengarang pada 1981 dan kemudian menamatkan perkhidmatan pada 1989. Allahyarham juga Pengerusi Institut Akhbar Malaysia (MPI) pada Januari 1984 hingga April 1989.

Ahmad Rejal dinobatkan Tokoh Wartawan Negara 2014 sempena majlis Penganugerahan Tokoh Wartawan Negara dan Hadiah Kewartawanan Malaysia

MPI-PETRONAS 2014 bagi mengahai sumbangan cemerlang dalam bidang penulisan dan kewartawanan tanah air.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 di sini pada jam 11.20 pagi selepas disembahyangkan di Masjid Seksyen 7.

### Fahmi ucap takziah

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil turut menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham dan menyifatkan pemergian Tokoh Wartawan Negara 2014 itu satu kehilangan besar buat industri media tanah air.

"Pemergian beliau satu kehilangan besar buat industri media tanah air. Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas rohnyanya dan menempatkannya dalam kalangan orang-orang beriman," katanya melalui hantaran di X.